



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

PANDUAN PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN MURID

BAHASA ARAB

TAHUN 3

MATLAMAT KURIKULUM BAHASA ARAB

Objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di peringkat sekolah rendah bertujuan untuk menanam minat murid mempelajari asas bahasa Arab dan menguasai kemahiran berbahasa di samping membolehkan murid berkomunikasi menggunakan ayat mudah.

OBJEKTIF KURIKULUM BAHASA ARAB

Pendekatan Dokumen Standard Kurikulum bagi bahasa Arab adalah untuk mencapai tujuan-tujuan berikut ;

- 1) Mendengar sebutan huruf, perkataan, ayat dan perenggan.
- 2) Menyebut huruf dan perkataan dengan sebutan yang betul.
- 3) Bertutur mengikut situasi tertentu.
- 4) Membaca perkataan, ayat dan perenggan dengan bacaan yang betul.
- 5) Mempraktikkan asas tatabahasa bahasa Arab dalam pertuturan dan penulisan.
- 6) Menghafaz kata-kata hikmah dan perumpamaan yang terpilih dan memperdengarkannya.
- 7) Menggunakan bahasa Arab fushah dalam pertuturan dan penulisan.

BAND	PERNYATAAN STANDARD
1	Mengetahui asas mendengar, bertutur, membaca dan menulis.
2	Mengetahui dan memahami perkara yang didengar, disebut, dibaca dan ditulis.
3	Mengetahui, memahami dan memberi respons terhadap perkara yang didengar, disebut, dibaca dan ditulis.
4	Mengetahui, memahami dan memberi respons dengan beradab terhadap perkara yang didengar, disebut, dibaca dan ditulis.
5	Mengetahui, memahami dan memberi respons dengan sopan pada situasi yang betul terhadap perkara yang didengar, disebut, dibaca dan ditulis.
6	Mengetahui, memahami dan memberi respons pada situasi yang betul dengan berhemah tinggi terhadap perkara yang didengar, disebut, dibaca dan ditulis.

KEMAHIRAN	BAND	DESKRIPTOR
MENDENGAR DAN BERTUTUR	1	Mengecam, mengajuk dan menyebut bunyi huruf hijaiyyah yang difokuskan dengan betul.
	2	Mendengar, menyebut dan mengenal pasti bunyi huruf hijaiyyah yang difokuskan dalam perkataan yang terdiri dari pelbagai baris dan <i>harakat</i> dengan betul.
	3	Menyebut, memahami dan mengenal pasti perkataan, nombor dan bilangan yang didengar dengan betul.
	4	Menyebut dan memahami ayat mudah dengan betul mengikut situasi tertentu.
	5	Memberi respons mengikut intonasi, tekanan suara dan tatabahasa yang betul terhadap perkara yang didengar mengikut situasi tertentu.
	6	Mengaplikasi perkataan, nombor, bilangan dan ayat mudah dengan menggunakan tatabahasa yang betul mengikut situasi tertentu dengan fasih dan lancar.

KEMAHIRAN	BAND	DESKRIPTOR
MEMBACA	1	Membaca dan mengenal pasti huruf hijaiyyah yang difokuskan dalam perkataan dengan betul.
	2	Membaca dan mengenal pasti huruf hijaiyyah yang difokuskan dalam perkataan yang terdiri daripada pelbagai baris dan <i>harakat</i> dengan betul.
	3	Membaca dan mengenal pasti perkataan, nombor dan bilangan dengan betul.
	4	Membaca dan memahami ayat mudah mengikut tekanan suara dan intonasi yang betul.
	5	Membaca, memahami dan memberi respons yang betul terhadap ayat mudah dengan tatabahasa, tekanan suara dan intonasi mengikut situasi tertentu.
	6	Membaca bahan bacaan dengan sebutan yang jelas, lancar, tekanan suara dan intonasi serta dapat mengaplikasi mengikut tatabahasa yang betul dalam situasi tertentu.

KEMAHIRAN	BAND	DESKRIPTOR
MENULIS	1	Menulis dan menyambung huruf hijaiyyah yang difokuskan dengan betul.
	2	Menyalin dan menulis perkataan, nombor dan bilangan dengan betul.
	3	Menyalin dan menulis ayat mudah dengan kemas dan betul.
	4	Menulis ayat mudah dengan menggunakan tatabahasa yang betul.
	5	Menulis perkataan dan ayat mudah serta menghasilkan bahan bertulis dengan betul dan kemas mengikut situasi tertentu.
	6	Menulis perkataan, ayat mudah, bilangan dan nombor dengan betul mengikut situasi secara <i>imlak</i> .